

75% kes rogol babit pelajar

A.M 16/01/09 M/S 10

Sebahagian kejadian berpunca daripada kerelaan 'mangsa'

>>Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

ALOR STAR: Peningkatan kes rogol membabitkan pelajar sekolah di negeri ini membimbangkan apabila 226 kes membabitkan golongan itu dicatatkan sepanjang tahun lalu.

Jumlah itu adalah hampir 75 peratus daripada keseluruhan 309 kes rogol yang direkodkan di negeri ini dalam tempoh berkenaan.

Ketua Polis negeri, Datuk Syed Ismail Syed Azizan, berkata kes rogol itu lebih menjurus kepada masalah sosial dan memerlukan pendekatan menyeluruh bukan saja dari aspek undang-undang, tetapi membabitkan institusi keluarga dan pendidikan.

Katanya, dari 226 kes itu, sebanyak 187 kes membabitkan mereka berusia 12 hingga 16 tahun, manakala 39 kes lagi membabitkan pelajar berusia 17 hingga 18 tahun.

"Jenayah rogol membabitkan pelajar berpunca daripada kerelaan gadis.



RASMI
...Syed Ismail di majlis perhimpunan bulanan, baru-baru ini.

"Hanya empat kes rogol tanpa kerelaan membabitkan pelajar bawah 18 tahun," katanya selepas majlis perhimpunan bulanan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah (IPK) di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (ACP) kepada 80 anggota polis.

Hadir sama, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah, Asisten Komisioner Zakaria Ahmad, Ketua Bahagian Agama dan Kaunseling (Baka) IPK, Superintendan Hamzan Darus dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kedah, Superintendan Baharom Othman.

Syed Ismail juga menasihatkan ibu bapa supaya ber-

peranan penting termasuk mengambil tahu ke mana anak mereka pergi dan dengan siapa mereka berka-

wan.
"Ada ibu bapa langsung tidak menghiraukan anak gadis jika tidak pulang ke rumah, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kes rogol golongan terbabit," katanya